



Ruj Kami: KSM.100-1/8/8 JLD2 (54)

Tarikh : 6 Julai 2021

SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan,

PENGOPERASIAN PEJABAT KERAJAAN DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGERA FASA DUA DI NEGERI PERLIS, PERAK, KELANTAN, TERENGGANU DAN PAHANG BERKUAT KUASA 5 JULAI 2021

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, berdasarkan kenyataan media yang dikeluarkan oleh YB Menteri Kanan Pertahanan pada 3 Julai 2021 telah memaklumkan **peralihan Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa Dua bagi negeri Perlis, Perak, Kelantan, Terengganu dan Pahang berkuat kuasa pada 5 Julai 2021**. Peralihan kelima-lima negeri ke fasa seterusnya adalah berdasarkan pencapaian tiga indikator nilai ambang iaitu **purata kes harian COVID-19 menurun di bawah 4,000 kes, kadar penggunaan katil di ICU pada paras sederhana serta kadar vaksinasi bagi populasi yang telah menerima dua dos lengkap mencapai 10%**.

3. Selaras perkara tersebut, **pengoperasian pejabat Kerajaan bagi negeri-negeri terlibat akan terus dilaksanakan secara hibrid** melalui keberadaan di pejabat dan **Bekerja Dari Rumah (BDR)** menggunakan pendekatan berikut:

- a) Kehadiran di pejabat **tidak melebihi 40%** bagi keseluruhan (tidak termasuk perkhidmatan *frontliners*, keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan) dan **60% BDR** secara penggiliran;
 - b) Semua mesyuarat dan perbincangan dilaksanakan **secara dalam talian** melalui medium yang selamat dan terjamin kerahsiaan;
 - c) Perkhidmatan **kaunter adalah dibuka dan tertakluk seperti mana arahan pada 29 Jun 2021**;
 - d) Kehadiran ke pejabat perlu **disertai** dengan **dokumen arahan rasmi dan pas pekerja**; dan
 - e) Mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan COVID-19 yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
4. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan jua, arahan ini adalah terpakai bagi **mana-mana negeri** yang beralih ke **PPN Fasa Dua**.
5. Dalam hubungan ini, YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan sebagai Ketua Jabatan perlu memastikan semua pegawai **mematuhi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020: Dasar Bekerja Dari Rumah** agar ia tidak menjejaskan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Pelaksanaan BDR ini adalah berdasarkan ketetapan yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020: Dasar BDR Sebarang pelanggaran salah laku dalam pematuhan kepada BDR akan dikenakan tindakan tatatertib di bawah P.U.(A) 395 – Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

6. Justeru, bagi memastikan jentera pentadbiran Kerajaan kekal beroperasi dengan efektif mengambil kira SOP yang ditetapkan, pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan (**Seperti di Lampiran**) adalah dikehendaki melaksanakan tugas rasmi yang akan melibatkan pergerakan keluar kawasan dalam tempoh PPN Fasa Dua yang berkuat kuasa.

7. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan dalam memberi perhatian terhadap langkah pencegahan dan pelaksanaan SOP yang ketat adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pembudayaan Norma Baharu Dalam Dunia Pekerjaan Sejagat”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK MUHD KHAIR RAZMAN BIN MOHAMED ANNUAR)

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Sumber Manusia

SENARAI EDARAN

Jabatan

1. Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
2. Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
3. Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Manusia
4. Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran
5. Ketua Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja
6. Pengarah
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
7. Pengarah
Jabatan Tenaga Kerja Sabah
8. Ketua Pengarah
Jabatan Perhubungan Perusahaan
9. Pendaftar
Mahkamah Perusahaan